

BELANJAWAN: Generasi Muda Sarawak Diingat Pilih Kerajaan Miliki Rekod Cemerlang
Bername
28 September, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud mengingatkan generasi muda negeri itu supaya memilih kerajaan yang mempunyai rekod perkhidmatan cemerlang, pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata kriteria kerajaan yang boleh mentadbir dan mampu mengekalkan kesejahteraan negara perlu diberi perhatian ketika membuat pilihan tersebut.

"Jangan hampakan tradisi yang kita bina selama 55 tahun dengan tidak menilai pembangunan yang kita telah kecapai. Pilih kerajaan Persekutuan yang dapat memerintah dan merancang serta dapat merealisasikan perancangan tersebut," katanya pada majlis 'Lan Berambah Anak Sarawak', di sini Jumaat.

Abdul Taib berkata Sarawak yang telah 49 tahun dalam Malaysia jelas bersama-sama mengecapi pembangunan.

"Boleh dikatakan segala harapan, semua yang kita inginkan telah pun tercapai," katanya, sambil yakin rakyat Sarawak 'pandai menjaga' kepentingan politik mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698338>